

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan produk Sewa Beli Kenderaan-i An Naqlu 1 / Pembiayaan Kenderaan-i An Naqlu 2. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.

BANK RAKYAT
SEWA BELI KENDERAAN- i AN NAQLU 1 /
PEMBIAYAAN KENDERAAN-i AN NAQLU 2
 Tarikh: _____

1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?

- Produk ini menawarkan kemudahan pembiayaan untuk pembelian kenderaan nasional dan bukan nasional bagi kegunaan persendirian.
- Jenis-jenis kenderaan berikut tertakluk kepada konsep Syariah tertentu:

Bil.	Jenis Kenderaan	Konsep Syariah
1.	Kereta	Tawarruq atau Al-Ijarah Thumma Al-Bai` ("AITAB")
2.	Superbikes (250cc dan ke atas)	Al-Ijarah Thumma Al-Bai` sahaja
3.	Motosikal Berkuasa Rendah (Bawah 250cc)	Tawarruq sahaja

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?
 TAWARRUQ

- Kemudahan pembiayaan ini adalah di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa`d (janji) daripada pelanggan, pihak Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berdasarkan harga jualan Murabahah (harga kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh. Pihak Bank kemudiannya, sebagai ejen pelanggan, akan menjual komoditi kepada pembeli pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun penderang kenderaan.
- Jenis komoditi yang digunapakai adalah komoditi yang dibenarkan oleh Syariah yang terdapat di Bursa Suq Al-Sila`.

 AL-IJARAH THUMMA AL-BAI` ("AITAB")

- AITAB terdiri daripada dua (2) kontrak Syariah utama iaitu Ijarah (sewaan) dan Bai` (jualbeli).
- Setelah permohonan diluluskan, pihak Bank dan pelanggan akan memeterai kontrak Ijarah di mana Bank akan menyewakan kenderaan kepada pelanggan pada amaun dan tempoh yang telah ditetapkan.
- Pada masa yang sama, pelanggan berjanji akan membeli kenderaan berasaskan konsep Wa`d (janji) ketika tamat tempoh sewaan, penyelesaian awal dan/atau berlakunya kemungkiran oleh pelanggan.
- Sekiranya berlaku mana-mana situasi di atas, pindahan hakmilik kenderaan daripada Bank kepada pelanggan akan berkuatkuasa melalui pelaksanaan kontrak jualbeli di antara keduanya atau penghantaran notis kepada pelanggan.
- Harga Jualbeli yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank akan dinyatakan di dalam kontrak jualbeli atau notis yang dihantar kepada pelanggan.

3. Apakah yang saya akan peroleh melalui produk ini?

Jumlah Pembiayaan*	RM
Kadar Keuntungan (Kadar Rata) setahun	%
Jumlah Harga Jualan	RM

Margin Pembiayaan	%
Tempoh Pembiayaan	tahun

*Jumlah Pembiayaan berkemungkinan termasuk sumbangan Takaful pada tahun pertama.

Mukasurat 1 daripada 4

4. Apakah tanggungjawab saya?

Ansuran bulanan anda adalah sebanyak RM _____.

Jumlah bayaran keseluruhan adalah RM _____.

Nota: Bayaran pendahuluan atau lebih bayaran adalah dibenarkan dan akan dikira sebagai bayaran ansuran bulan hadapan.

5. Apakah caj lain yang perlu dibayar?
 TAWARRUQ

Bil.	Jenis Caj	Amaun / Perincian Caj
i.	Duti Setem	0.5% daripada jumlah pembiayaan sepertimana Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989).
ii.	Fi Wakalah	RM28.30. (termasuk Yuran Broker)

 AL-IJARAH THUMMA AL-BAI' ("AITAB")

Bil.	Jenis Caj	Amaun / Perincian Caj				
i.	Duti Setem	<table border="1"> <tr> <td>Perjanjian Ijarah</td> <td>RM10</td> </tr> <tr> <td>Perjanjian Penjamin (jika berkenaan)</td> <td>RM10</td> </tr> </table>	Perjanjian Ijarah	RM10	Perjanjian Penjamin (jika berkenaan)	RM10
Perjanjian Ijarah	RM10					
Perjanjian Penjamin (jika berkenaan)	RM10					

LAIN-LAIN (Terpakai untuk semua)

Bil.	Jenis Caj	Amaun / Perincian Caj
i.	Pengeluaran surat kepada JPJ bagi perubahan no. enjin kenderaan, pertukaran no. pendaftaran kenderaan, kad pendaftaran pendua dsb.	RM15 setiap dokumen
ii.	Pengeluaran surat kepada pihak berkuasa bagi pindahan kenderaan ke Malaysia Timur dan sebaliknya.	RM15 setiap dokumen

6. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?

- Caj gantirugi (Ta`widh) ekoran bayaran lewat adalah seperti berikut:

Ketika tempoh pembiayaan	1% setahun ke atas bayaran ansuran tertunggak.
Selepas tamat tempoh pembiayaan	Tidak melebihi kadar semalaman semasa Pasaran Wang antara Bank Islam ke atas baki tertunggak

- Bank berhak menolak / mempelaras baki akaun pelanggan (Akaun Simpanan / Pelaburan / Saham Keanggotaan) dengan Bank sebagai bayaran kepada jumlah tunggakan. Pihak Bank akan memaklumkan kepada pelanggan tujuh (7) hari sebelum pelaksanaan.
- Bank juga berhak menarik balik kenderaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pelanggan dengan segala kos ditanggung oleh pelanggan.

7. Bagaimana jika saya membuat penjelasan penuh sebelum tarikh matang?

- Pelanggan perlu memberikan 14 hari notis sebelum penyelesaian awal dibuat.
- Pihak Bank perlu memberikan rebet (Ibra') ke atas keuntungan tertangguh / belum terakru berdasarkan kepada konsep Syariah yang terlibat.

 TAWARRUQ

- Jumlah penyelesaian awal adalah tertakluk kepada formula di bawah:

Jumlah Penjelasan Awal = Baki Harga Jualan – Ibra' + Caj Lewat Bayar (jika ada) Di
mana

Ibra' = Keuntungan Tertangguh + Prinsipal Belum Dikeluarkan (jika ada) – Lain-lain Caj (jika ada)

 AL-IJARAH THUMMA AL-BAI' ("AITAB")

- Pelanggan perlu membayar Amaun Penyelesaian yang merujuk kepada baki tunggakan atau amaun yang bersamaan dengan:
 - i) baki yang pada asalnya perlu dibayar di bawah Perjanjian AITAB;
 - dan ii) caj lewat bayar, jika ada; dan iii) amaun-amaun lain yang perlu dibayar oleh pelanggan kepada Bank.Dengan pengurangan berikut:
 - i) amaun yang telah dibayar oleh atau bagi pihak pelanggan; dan ii) rebet berkanun bagi caj berjangka, jika ada; dan iii) pembatalan polisi Takaful atau rebet berkanun terhadap Takaful, jika ada.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- Anda dinasihatkan untuk mengambil perlindungan motor daripada mana-mana syarikat Takaful yang berlesen.
- Jika pelanggan cenderung untuk mengambil perlindungan insurans, kos sumbangan/premium perlu ditanggung oleh pelanggan.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

Pelanggan bertanggungjawab memastikan ansuran bulanan dibayar sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan (seperti kehilangan pekerjaan atau sakit) atau tuntutan Takaful masih belum selesai.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Pelanggan hanya memerlukan penjamin sekiranya terma dan syarat pembiayaan tidak dipenuhi.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

- Pelanggan perlu menghubungi kami dengan segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya.
- Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454 atau kunjungi mana-mana cawangan untuk mengemaskini maklumat peribadi.

Mukasurat 3 daripada 4

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan apabila menghadapi masalah kewangan?

- Sekiranya anda mengalami kesulitan kewangan, anda perlu segera menghubungi pihak Bank untuk membincangkan berkenaan penyelesaian pembayaran alternatif.
- Anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK")**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberikan perkhidmatan percuma kepada individu berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit dan penyusunan semula hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Ibu Pejabat AKPK
Kuala Lumpur
Tingkat 5 dan 6
Menara Aras Raya (Dahulunya dikenali sebagai Menara Bumiputera Commerce)
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-26167766
 E-mail: enquiry@akpk.org.my

13. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?
Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:
Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut sila rujuk risalah produk atau layari www.bankrakyat.com.my

Pusat Panggilan di talian: 1-300-80-5454

7:30 pagi hingga 9:30 malam
 Talian dibuka untuk semua pertanyaan

9:30 malam hingga 7:30 pagi
 Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad.

atau

talian antarabangsa: +603 5526 9000

atau Faks: 03-2264 7301

atau emel kepada:
telerakyat@bankrakyat.com.my

Pusat Panggilan di talian:
1-300-80-5454 atau menghantar

aduan anda ke:

Unit Biro Aduan Awam,
Khidmat Pelanggan, Tingkat 9,
Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat,
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral
50470 Kuala Lumpur atau e-mel ke

aduan@bankrakyat.com.my atau

Hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur Tel:
1-300-88-5465
Fax: 03-21741515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN / KENDERAAN ANDA MUNGKIN AKAN DITARIK DAN SETERUSNYA DIJUAL SEKIRANYA ANDA TIDAK MELUNASKAN ANSURAN PEMBIAYAAN ANDA.

- Produk ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat pada 23 Januari 2013 bagi produk Tawarruq dan 16 Jun 2015 bagi AITAB.
- Helaian Pendedahan Produk ini mesti dibaca, difahami, diterima dan ditandatangani oleh pelanggan.
- Maklumat yang dinyatakan di dalam helaian pendedahan ini sah mulai ___/___/_____

Mukasurat 4 daripada 4